

**PERISYTIHARAN JUALAN DALAM NEGERI MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH  
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA  
PERMOHONAN UNTUK PELAKSANAAN NO: CB-38-75-12/2017**

Dalam perkara mengenai Seksyen 256 dan 257 Kanun Tanah Negara, 1965.

**DAN**

Dalam perkara mengenai Aturan 31 dan Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

**DAN**

Dalam perkara mengenai gadaian yang telah dilaksanakan oleh **NOORAINI BINTI MOHD YUNUS** bagi kepentingan **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD** yang didaftarkan pada **05 September 2011** atas hartanah yang dipegang di bawah **GM 5601, Lot 3659, Mukim Mentakab, Daerah Temerloh, Negeri Pahang Darul Makmur, Malaysia** mengikut **Perserahan No. 2667/2011**.

**ANTARA**

**BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD**

... **PLAINTIF**

**DAN**

**NOORAINI BINTI MOHD YUNUS (NO K/P: 531210-08-5034)**

... **DEFENDAN**

Menurut perintah Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh mengenai **Perintah Jual** bertarikh **6 Jun 2017** dan **Perintah Notis Permohonan** bertarikh pada **30hb MEI 2018** masing-masing, dan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh dengan dibantu oleh Pelelong Berdaftar yang dilantik oleh Mahkamah

**AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM  
PADA HARI RABU 18hb JULAI 2018 JAM 10.30 PAGI  
DI BILIK LELONGAN MAHKAMAH TINGGI  
DI TEMERLOH PAHANG DARUL MAKMUR**

**NOTA: Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hak Milik secara rasmi di Pejabat Tanah dan Daerah Temerloh dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenalpasti dengan tepat harta tanah tersebut serta memahami syarat-syarat jualan sebelum jualan lelong**

**BUTIR-BUTIR HAKMILIK:-**

No. Hakmilik/ No. Lot: GM 5601/ 3659 Mukim/ Daerah/ Negeri: Mentakab/ Temerloh/ Pahang Darul Makmur Pegangan: Selama-lamanya Keluasan Tanah: 258.00 Meter Persegi Cukai Tahunan: RM 45.00 Pemilik Berdaftar: NOORAINI BINTI MOHD YUNUS, 1/1 bahagian (NO K/P: 531210-08-5034) **KAWASAN REZAB: DALAM KAWASAN REZAB MELAYU** Kategori Kegunaan tanah: Bangunan Syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk satu unit bangunan kediaman sahaja. Sekatan kepentingan: - Bebanan: Perserahan Gadaian No. 2667/2011 kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang didaftarkan pada 05 September 2011.

**LOKASI DAN PERIHAL HARTA TANAH:-**

Harta tanah ini merupakan sebuah **rumah teres 2 tingkat lot hujung (corner lot)** yang telah diubahsuai dengan **alamat pos No. 44, Taman Pasir Rawa, 28400 Mentakab, Pahang Darul Makmur**. Ia mudah diakses dari Bandar Mentakab melalui Jalan Pekeliling sebelum terus ke jalan masuk Taman Pasir Rawa dan terus kira-kira 1 kilometer dimana harta tanah berada. Tanah berbentuk segi empat (4) bujur, rupabuminya rata dan lebih rendah dari paras jalan di hadapannya. Keluasan tanah ialah 258.00 meter persegi (2,777 kaki persegi). Akomodasi rumah adalah seperti berikut: Tingkat Bawah: 1 ruang tamu, 1 ruang makan, 1 dapur, 1 bilik utiliti, 1 tandas & bilik air serta poc kereta. Terdapat sebuah bilik setor di luar rumah. Tingkat Atas: 1 bilik tidur utama dengan tandas & bilik air, 3 bilik tidur & 1 tandas & bilik air. Luas kasar lantai bangunan utama ialah 155.496 meter persegi (1,672 kaki persegi). Luas kasar lantai bangunan sokongan ialah 20.46 meter persegi (220 kaki persegi).

**HARGA RIZAB:-**

Harta tanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM 234,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS TIGA PULUH EMPAT RIBU SAHAJA)** dan kepada Syarat-syarat Jualan yang dilampirkan. Penawar yang berminat hendaklah mendeposit 10% daripada harga rizab dalam bentuk bank draf di atas nama **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD** sebelum jam 9.30 pagi pada hari lelongan awam. **Baki wang belian** hendaklah dibayar oleh penawar yang berjaya dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan iaitu sebelum atau pada **RABU, 14hb NOVEMBER 2018**.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:

**1. ZAINY & PARTNERS**

(Peguambela & Peguamcara),

No. 43, Tingkat 1,

Jalan Ahmad Shah 1,

**28000 TEMERLOH.**

Tel. & Faks : 09-2969920

(Ruj) : ZAZ(T)/L/1231/BKR/14)

**2. MOHD 'IZZUL UMAM BIN MOHD LOTTIE**

Pelelong Berlesen Negeri Pahang No. 32355/2018

No. 8, Tingkat Atas, Jalan Datuk Bahaman 2

**28000 TEMERLOH.**

Tel./Faks : 019-9339731/09-296 4778

(Ruj) : MIUML/LA2018/MTT/3/BKRMB)